

Kuasa veto di UNSC perlu diharamkan babit kes kekejaman besar-besaran

Dunia mesti ambil langkah berani, segera dengan embargo senjata terhadap Israel

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kuasa veto di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) perlu diharamkan dalam kes membabitkan kekejaman besar-besaran, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, proses membuat keputusan oleh

UNSC memerlukan sokongan yang lebih luas daripada ahli tetap dan bukan sesetengah negara.

Anwar juga menekankan, proses membuat keputusan UNSC perlu mendapat pengesahan daripada Perhimpunan Agung melalui majoriti mudah.

“Kuasa veto melumpuhkan UNSC, manakala kekurangan perwakilan dari wilayah-wilayah seperti Afrika dan Amerika Latin mencerminkan era yang sudah berlalu.

“Kesannya dapat dilihat di tempat-tempat seperti Gaza, penindasan terhadap Rohingya dan dalam perang di Ukraine,” katanya dalam ucapan di Forum Tindakan Bersama (CAF) 2024, di sini semalam.

Anwar berkata dunia kini berada di persimpangan kritikal dalam mencapai keadilan global.

Beliau turut menekankan tindakan Israel terhadap rakyat Palestin merosakkan asas orde dunia.

jenayah perang, hukuman kolektif dan genosid adalah penghinaan terang-terangan terhadap norma undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia,” katanya.

Konsensus global

Seperti yang Malaysia kemukakan di PBB, Anwar berkata, dunia mesti mengambil langkah berani dan segera, bermula dengan embargo senjata terhadap Israel.

Namun, katanya, kekejaman tindakan Israel memerlukan tindakan yang lebih, termasuk konsensus global untuk mengganung atau mengusir Israel daripada PBB.

Reformasi UNSC adalah salah

satu bidang utama yang dicadangkan oleh Anwar menjalani reformasi segera bagi menjamin dunia yang lebih adil.

Bidang-bidang yang turut dicadangkan adalah struktur kewangan antarabangsa, sistem perdagangan antarabangsa dan pembiayaan serta keadilan iklim.

Pada Debat UNSC di New York, September lalu, Malaysia mengemukakan rayuan untuk menegahkan penggunaan kuasa veto di UNSC.

Anwar menekankan penggunaan veto yang tidak terkawal menghalang usaha keamanan, terutama dalam kes Palestin.

Dalam pada itu, Anwar berkata dalam mendepani cabaran dunia, ASEAN menjadi contoh bagaimana kerjasama Selatan-Selatan dapat memajukan sistem multilateralisme yang lebih adil.

Katanya, tema Kepengeruisan ASEAN Malaysia 2025, ‘Keterangkuman dan Kelestarian’, mewakili cabaran langsung kepada sistem yang meminggirkan negara membangun.

“Visi kita tentang keterpusatan ASEAN menunjukkan bagaimana wilayah di Selatan Global dapat mengekalkan kebebasan sambil berinteraksi secara konstruktif dengan kuasa global.

“Pembabitan Malaysia dengan BRICS adalah berdasarkan pengiktirafan bahawa, sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi yang sedang meningkat, kita berkongsi kebimbangan yang sama dengan kuasa ekonomi lain yang sedang bangkit.

“Negara-negara seperti Brazil, Russia, India, China, Afrika Selatan dan anggota lain BRICS mewakili peluang pasaran yang sangat besar,” katanya.